

30/12/2001

Rakyat patut tahu: PM (HL)

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR: Rakyat patut tahu tindakan undang-undang yang bakal menanti mereka yang melakukan perbuatan ganas sebagaimana dilakukan oleh kumpulan Al-Ma'unah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, hukuman gantung sampai mati ke atas ketua kumpulan itu, Mohd Amin Mohd Razali bersama dua pemimpin kanannya, Zahit Muslim dan Jamaludin Darus, adalah keputusan mahkamah mengikut undang-undang.

"Kerajaan tidak pernah bertolak ansur terhadap tindakan ganas sedemikian. Rakyat patut tahu," katanya ketika diminta mengulas hukuman mati terhadap tiga pemimpin kanan Al-Ma'unah dan penjara sepanjang hayat ke atas 16 anggota kumpulan itu atas tuduhan melancarkan peperangan terhadap Yang di-Pertuan Agong.

"Ini adalah keputusan (mahkamah). Ia adalah soal menegakkan keadilan. Di negara kita, sesiapa yang membunuh, hukumannya ialah mati.

"Jadi saya fikir, keluarga orang yang telah dibunuh, tentu berasa negara kita mempunyai keadilan kerana tanpa mengira kaum atau agama, sesiapa yang melakukan pembunuhan akan terima balasan setimpal mengikut undang-undang," katanya.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Presiden Umno berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan perhimpunan agung Parti Progresif Penduduk Malaysia ke-48 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Sambil menegaskan walaupun beliau tidak gembira apabila seseorang dihukum mati, Perdana Menteri berkata, keputusan itu adalah ketetapan yang dibuat mahkamah mengikut undang-undang.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan agung parti itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan memerintah negara mengikut undang-undang dan undang-undang tidak membezakan sesiapa yang terbabit.

"Walaupun dia seorang pembesar atau orang biasa, beragama Islam, Kristian atau Buddha, undang-undang mesti dikuatkuasakan di negara kita. Saya ikut apa saja yang diputuskan mahkamah walaupun (ada masanya) kita rasa tidak senang hati," katanya.

Pada masa yang sama, Dr Mahathir berkata, rakyat sepatutnya maklum yang mereka tidak boleh mengambil sebarang tindakan (seperti Al-Ma'unah) kerana kerajaan tidak pernah bertolak ansur dengan tindakan sedemikian.

Ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan keputusan itu, Dr Mahathir berkata: "Saya ikut apa saja yang diputuskan mahkamah. Kita kena akur dengan keputusan itu kerana ini adalah proses keadilan dan kita harus hormati.

"Kita tak boleh, bila kita tak suka kepada keputusan hakim, kita maki dia atau cuba ambil tindakan dengan mengatakan dia langgar undang-undang atau tidak hormati peraturan. Kita kena terima keputusan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, beliau tidak ada masalah untuk berjumpa sekali lagi dengan Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Kiat berhubung isu dalam MCA.

"Saya berjumpa dengan semua pemimpin MCA dan pemimpin BN," katanya.

(END)